

# Bengkel Penyediaan Dokumen MQA SSMP 2010

VOL 1: DEC 2010 ISBN: 978-967-8074-

Oleh: Dr. Mohd. Rosni Sulaiman, Jumardi Roslan, Nurliyana Aris, Dr. Yasmin B. H. Ooi, Adilah Ramli, Dr. Mohd. Ismail Abdullah dan Dr. Sharifudin Md. Shaarani

Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) telah mengadakan bengkel penyediaan dokumen Malaysian Qualifications Agency (MQA) di Hotel Courtyard One Borneo, Kota Kinabalu pada 28-30 Julai 2010 khusus untuk melengkapkan dokumen MQA yang merangkumi 9 bidang utama iaitu misi dan visi sekolah (1); penyampaian dan rekabentuk kurikulum (2); penilaian pelajar (3); pemilihan pelajar dan khidmat sokongan (4); staf akademik (5); sumber pendidikan (6); sistem semakan dan pemantauan program (7); kepimpinan dan pentadbiran (8) dan pembaikan kualiti secara berterusan (9). Setiap program yang ditawarkan di peringkat sekolah perlu memenuhi kriteria dan piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dengan merujuk kepada 9 bidang utama tersebut. Ini bagi menjadikan program yang ditawarkan diiktiraf dan mampu menghasilkan graduan yang berkualiti seiring dengan aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan akademik. Jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi membuat persiapan awal untuk bengkel tersebut yang diketuai oleh En. Muhamain Hj. Abd. Sani (Penolong Pendaftar Kanan, SSMP) dan dibantu oleh En. Muhin Haji (Pegawai Sains, SSMP), En. Musa Madkah dan En. Masran Muhamad Ali.

Sebelum bengkel tersebut dijalankan, terdapat 2 prabengkel telah diadakan iaitu pada 14/7/2010 dan 21/7/2010 bagi membentang dan menyemak semula dokumen yang telah disediakan oleh ketua-ketua program iaitu Dr. Mohd. Rosni Sulaiman (Mantan Ketua Program Teknologi Makanan dan Bioproses), Dr. Yasmin B. H. Ooi (Ketua Program Sains Makanan dan Pemakanan) dan Cik Adilah Md. Ramli (Ketua Program Perkhidmatan Makanan). Bagi membantu ketua program untuk melengkapkan dokumen tersebut, pensyarah baru telah ditugaskan oleh Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani (Mantan Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) untuk

mendapatkan bahan-bahan yang perlu dilampirkan bersama dengan dokumen MQA seterusnya menyediakan dokumen yang lengkap untuk semakan semasa bengkel penyediaan dokumen MQA sebenar.

Bengkel 3 hari ini telah dirasmikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Ismail Abdullah (Mantan Dekan, SSMP) dan dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Dekan SSMP serta semua kakitangan akademik SSMP. Taklimat mengenai penyediaan dokumen MQA SSMP telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani (Dekan, SSMP).

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah untuk menyelaraskan sistem kurikulum bagi kursus-kursus yang ditawarkan oleh setiap program termasuk objektif dan justifikasi pembangunan kursus, jam kredit bagi kursus dan silibus-silibus kursus yang berkaitan agar menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh MOHE serta melengkapkan kriteria-kriteria yang telah digariskan di dalam dokumen MQA bagi setiap program.

Pengisian bengkel pada hari pertama adalah semakan untuk bidang (1) dan (2) iaitu menyelaraskan dan melengkapkan sistem kurikulum bagi kursus-kursus dalam setiap program. Semua pensyarah telah dibahagikan kepada 3 kumpulan mengikut program yang diketuai oleh ketua program masing-masing. Penyelarasan kursus dilakukan sendiri oleh pensyarah yang mengajar kursus berkenaan. Pengisian bengkel hari kedua adalah semakan dokumen bagi bidang-bidang (3)-(5) dan pada hari terakhir bengkel adalah semakan bagi bidang (6)-(9) serta taklimat dan semakan kursus dalam setiap program oleh Prof. Madya Dr. Jennifer Chan Kim Lian (Timbalan Pengarah Pusat Perkembangan Akademik UMS). Semasa semakan terhadap kurikulum kursus, beberapa teguran mengenai objektif dan justifikasi kursus serta pemilihan kemahiran insaniah, hasil pembelajaran program perlu diselaraskan



dengan bebanan jam kredit bagi setiap kursus. Semua pensyarah telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap teguran tersebut. Kemuncak kepada bengkel penyediaan dokumen MQA ini telah dilakukan pada 28-29 Ogos 2010 di bilik mesyuarat SSMP yang mana kesemua dokumen yang lengkap telah dikumpul oleh ketua program masing-masing untuk semakan dan pemberian peringkat akhir sebelum dihantar dan dibentangkan ke Senat UMS untuk kelulusan. Status terkini, pihak SSMP telah dimaklumkan bahawa dokumen MQA untuk ketiga-tiga program telah dihantar ke Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk semakan dan kelulusan. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada semua kakitangan SSMP yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam melengkapkan dokumen MQA ini. Semoga ketiga-tiga program ini akan mendapat kelulusan dan pengiktirafan dari MOHE dan MQA.

